BADAN PENCEGAH RASUAH MALAYSIA

# PEMBANTERASAN RASUAH

# Apakah Peranan Anda?









**BERSAMA KITA HAPUSKAN RASUAH**

## PUNCA RASUAH

1. **Penyalahgunaan kuasa yang dimiliki melalui jawatan dan amanah yang dipegang**
2. **Kelemahan Kawalan Dalaman**
   * kelemahan diri
   * kemerosotan nilai-nilai agama dan etika
   * perasaan tamak untuk mengumpul harta agar cepat kaya
   * **Kelemahan Dalam Jabatan**
     * Kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang
     * Penurunan kuasa tanpa kawalan
     * Kurang ketelusan mengenai polisi, prosedur dan keputusan jabatan
3. **Peluang**
   * Kepesatan pembangunan sosio-ekonomi
   * Amalan tradisi dan kebudayaan

## PETANDA RASUAH

**Anda perlu peka kepada petanda-petanda ini:**

1. Perubahan gaya hidup secara tiba-tiba
2. Gagal menjelaskan punca perolehan harta
3. Bekerja lewat walaupun beban kerja berkurangan
4. Pengaduan melalui surat layang atau telefon dan kerap ditohmah
5. Enggan ditukarkan atau dinaikkan pangkat
6. Hidup tertekan kerana hutang
7. Perhubungan rapat dengan pembekal/kontraktor dan pembekal/kontraktor enggan berurusan dengan pegawai lain
8. Panggilan telefon yang mencurigakan
9. Penglibatan yang luar biasa dengan jabatan/ bahagian lain
10. Tidak konsisten dalam produktiviti

## KESAN RASUAH

**Kesan Umum**

1. Meninggikan kos dan saraan hidup (harga barang dan perkhidmatan dinaikkan bagi menampung kos sogokan penjual)
2. Keselamatan orang awam terjejas (bangunan dibina tidak ikut spesifikasi namun diluluskan)
3. Mengancam keselamatan negara, nyawa dan kesejahteraan rakyat (peningkatan kadar jenayah)
4. Ketidakadilan (menafikan hak golongan tertentu-menjarakkan lagi jurang yang kaya dengan yang miskin)
5. Kehilangan daya saing dan hasil negara (pengaliran wang ke luar negara)
6. Menjejaskan kelicinan dan kecekapan pentadbiran kerajaan
7. Kerosakan maruah diri, bangsa dan negara

**Kesan kepada diri**

1. Perkara yang amat mengaibkan
2. Keluarga akan dipandang hina
3. Masa depan pasangan (suami/isteri) dan anak-anak gelap
4. Rakan-rakan memberi pandangan negatif
5. Peluang kemajuan kerjaya terjejas
6. Segala bentuk pemilikan harta dan zuriat akan dipersoalkan
7. Tiada keberkatan dalam keluarga
8. Timbul masalah psikologikal serta penghargaan kendiri yang rendah bila berhadapan dengan masyarakat
9. Kita memperolehi keraian atas kesengsaraan orang lain

**RASUAH ADALAH SATU JENAYAH JIKA ANDA MELAKUKANNYA ANDA SEBENARNYA SEORANG PENJENAYAH**

## BANTERAS RASUAH

**Hindarkan diri di peringkat awal**

1. Jangan mengata **YA** bagi pelawaan pertama
2. Hati-hati dengan pujian yang diberikan
3. Ingatkan prinsip "Ada Udang Di Sebalik Batu"
4. Jangan sekali-kali menampakkan perbuatan atau tingkah laku yang menggambarkan seolah-olah "kita yang dulu meminta-minta"
5. Jangan membiasakan diri menerima sebarang bentuk keraian daripada orang lain

**Hindarkan diri di peringkat pertengahan**

1. Elakkan berurusan mengenai hal peribadi atau keluarga dengan mereka yang tahu kedudukan dan kuasa kita
2. Berkawan dengan orang yang dipercayai boleh menasihati dan membimbing kita
3. Dapatkan rakan yang boleh mengawal atau memerhatikan tingkah laku atau perbuatan kita
4. Elakkan wujud suasana yang "kondusif kepada perbuatan rasuah" (terpencil) ketika menjalankan tugas
5. Tolak tawaran atau pujukan dengan tegas
6. Tukar tempat kerja

**KATAKAN TIDAK KEPADA RASUAH**

Adalah sesuatu yang sukar untuk menolak tawaran rasuah sekiranya rakan atau teman kita turut sama menerimanya

tetapi

**Keputusan adalah di tangan anda sama ada menerima atau menolak**

**Tampil ke hadapan laporkan perbuatan rasuah**

***Cara Melaporkan Rasuah***

- Datang sendiri ke mana-mana pejabat BPR terdekat
- Telefon BPR talian biasa atau talian Bebas Tol: **1-800-88-6000**
- Tulis surat kepada BPR mana-mana negeri Peti Surat 6000 (tanpa setem) atau masukkan ke Peti Aduan BPR di Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, Shah Alam atau Kajang
- Hubungi mana-mana pegawai BPR
- E-mel BPR: **info@bpr.gov.my**
- Laman Web BPR: **http://www.bpr.gov.my**

